

02 NOV 2001

## MENTERI ASING TERLIBAT DGN HOMOSEKUAL DI M'SIA AKAN DITANGKAP

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menangkap mana-mana menteri asing yang terlibat dengan kegiatan homoseksual atau seks di luar tabii ketika berada di Malaysia, kerana ia melanggar undang-undang negara.

Beliau berkata sebagai tetamu di negara ini, mereka perlu menghormati undang-undang Malaysia.

" Di sini, (jika) buat kena tangkap kerana kegiatan itu adalah satu kesalahan...(pemimpin asing yang) datang ke negara ini kena patuh undang-undang kita, dan (sama juga) kita bila pergi ke sana, kita patuh undang-undang British," katanya kepada pemberita hari ini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya mengenai temuramahnya dengan rancangan BBC Radio 4 London semalam yang antara lain memberikan amaran kepada menteri-menteri lelaki British yang homoseksual bahawa Malaysia akan mengusir mereka jika mereka datang ke negara ini bersama teman lelaki mereka.

Perdana Menteri berkata beliau sendiri akan menerima sebarang tindakan undang-undang jika beliau ditangkap semasa di luar negara kerana melanggar undang-undang negara berkenaan.

Walaupun kegiatan homoseksual itu merupakan satu perkara peribadi, tetapi jika para menteri asing hendak membawa teman lelaki mereka menghadiri acara rasmi negara, maka ia bukan lagi dianggap peribadi tetapi sudah menjadi umum, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

-- BERNAMA

HK HK RON